

NO. SOALAN: 125

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'
OTHMAN SAID [PENGERANG]**

RUJUKAN : 7264

SOALAN:

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan-Kerajaan negeri menubuhkan pasukan keselamatan atau rondaan dengan menggariskan semua panduan dan peraturan tertentu termasuk dalam pemilihan ahli-ahlinya untuk benar-benar memberi manfaat kepada rakyat sekaligus memastikan pasukan-pasukan ini diurus mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

JAWAPAN:

Suka dimaklumkan bahawa *supremacy* (undang-undang utama) Perlembagaan Persekutuan telah termaktub secara jelas di bawah Fasal 1 Perkara 4 dan Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan. Hal-hal berkaitan keselamatan dalam negeri yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 Jadual Kesembilan Bahagian XV Perlembagaan Persekutuan telah diletakkan di bawah Senarai Persekutuan termasuk penubuhan satu-satu pasukan keselamatan bagi maksud ketenteraman awam. Oleh itu, mana-mana pertubuhan yang bergerak dan beroperasi secara tidak sah boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335].

NO. SOALAN: 126

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

RUJUKAN : 7265

SOALAN:

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan dan peratus pertubuhan-pertubuhan yang telah berdaftar di bawah sistem eROS dan bilakah tarikh tutup untuk pendaftaran. Apakah tindakan yang akan diambil untuk menggalakkan pendaftaran sebelum tarikh tutup.

JAWAPAN:

Berdasarkan rekod Kementerian Dalam Negeri, sebanyak 13,723 pertubuhan telah mengemukakan permohonan baru pendaftarannya di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] melalui Sistem eRoses. Bagi pertubuhan yang telah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebelum Sistem eRoses berkuatkuasa, mereka juga boleh mengakses dan mengemaskini maklumat pertubuhan mereka sepanjang masa. Dalam hal ini, mana-mana pertubuhan baru yang ingin mengemukakan permohonan baru melalui Sistem eRoses ini, ia boleh dilaksanakan bila-bila tanpa tempoh had masa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG
(TEBRAU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan anggaran bilangan entiti perniagaan dan enterprise yang harus berdaftar untuk pembayaran GST dan bilangan yang telah berdaftar setakat ini

JAWAPAN

Bilangan entiti perniagaan yang layak berdaftar dianggarkan berjumlah 300,000. Sehingga 5 November 2014, jumlah entiti perniagaan dan *enterprise* yang telah berdaftar dalam sistem GST ialah sebanyak 125,216 buah syarikat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN KHOO SOO SEANG
DARIPADA [TEBRAU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan serta peratus pelajar yang cicir sekolah sebelum tamat pendidikan sekolah menengah dan bilangan serta peratus pelajar yang gagal memperoleh kelayakan SPM atau yang setaraf dengannya setiap tahun bagi 5 tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bilangan dan peratus murid yang tidak meneruskan persekolahan di peringkat pendidikan menengah bagi tahun 2009 – 2013 adalah seperti berikut:

Tahun	Sekolah Menengah	
	Bilangan	Peratus
2009	55,136	3.10
2010	47,260	2.65
2011	51,195	2.86
2012	42,846	1.93
2013	43,428	1.96

Keciciran bermaksud murid yang tidak menghadiri atau tidak meneruskan persekolahan dalam sistem persekolahan kerajaan atau swasta dari peringkat rendah (Tahun 1) hingga menengah (Tingkatan 5).

Walau bagaimanapun, tidak semua murid tercicir daripada mengikuti persekolahan kerana sebahagian besar murid yang keluar dari sistem persekolahan KPM meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar dengan KPM seperti sekolah pondok, tahfiz dan sekolah swasta yang lain. Sebilangan kecil pula mengikuti *home schooling* atau mengikut keluarga berhijrah ke luar negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN KHOO SOO SEANG
DARIPADA [TEBRAU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini pembekalan Chromebook kepada sekolah-sekolah di negeri Johor di bawah program 1BestariNet dan jadual waktu pembekalan kepada sekolah-sekolah yang masih belum dibekalkan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini tiada pembekalan Chromebook baharu kepada sekolah-sekolah. Chromebook hanya dibekalkan pada tahun 2013 di bawah Projek Pembekalan Peralatan ICT Ke Makmal Komputer Secara Konsep Makmal Komputer Mudah Alih Menggunakan Perkakasan Notebook Dengan Sistem Operasi Chromebook.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN KHOO SOO SEANG
DARIPADA [TEBRAU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah bilangan pelajar cemerlang melebihi kekosongan tempat program-program popular di universiti-universiti tempatan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit calon.

Sehubungan dengan itu, penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kokurikulum calon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan

dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon dan bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Selain daripada itu, proses temuduga turut dilaksanakan di IPTA bagi program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu demi memastikan IPTA mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan. Seseengah program pengajian bertemu duga mendapati pemohon gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk mengikut program pengajian berkaitan.

Sekiranya calon gagal dalam temuduga berkenaan, mereka masih boleh dipertimbangkan untuk ditawarkan program pengajian lain dalam pilihan mereka atau sekiranya mereka bersetuju untuk menerima tawaran selain daripada program pengajian yang dipohon, KPM akan memastikan pemohon ditawarkan program pengajian yang bersesuaian berdasarkan kelayakan dan kekosongan tempat di IPTA.